



**PERSOALAN SYARAT IZIN SUAMI KEPADA ISTERI BEKERJA DI LUAR
RUMAH DAN HUBUNGAN DENGAN NAFKAH UNTUK ISTERI:
SUATU PERBINCANGAN**

Mansor Sulaiman & Nur Izwan Irsal Usnur

Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

Emel Koresponden: mansor@ump.edu.com

ABSTRAK

Tulisan ini membicarakan berkenaan persoalan syarat izin suami kepada isteri bekerja di luar rumah dan hubungannya dengan nafkah untuk isteri. Topik ini dibincangkan memandangkan terdapat pelbagai persepsi terhadap 'kuasa izin' suami terhadap isteri khususnya dalam perkara berkaitan izin untuk keluar bekerja sehingga menimbulkan pelbagai persepsi negatif terhadap syariat Islam itu sendiri. Oleh itu tulisan ini dikemukakan dengan tujuan untuk mengupas ruang lingkup keizinan tersebut dan kaitannya dengan nafkah untuk isteri. Bagi mencapai objektif ini, maka metodologi yang digunakan adalah menggunakan kajian perpustakaan sepenuhnya dengan rujukan terhadap tulisan-tulisan yang berkaitan dengan tajuk ini seperti persoalan hukum wanita bekerja, konsep izin dan syarat dalam Islam, nafkah isteri dan sebagainya. Hasil daripada penulisan ini mendapati bahawa persoalan yang dibincangkan ini adalah suatu yang berlegar dalam lingkungan masalah dan uruf yang secara tidak langsung memberikan keluasan dalam penetapan hukum. Diharapkan tulisan ini dapat memberikan gambaran awal kepada kajian lanjut berkenaan persoalan yang dilontarkan ini.

Kata Kunci: *isteri dan kerjaya, keizinan suami, nafkah, syarat wanita bekerja, syariat Islam*

1. PENDAHULUAN

Keizinan suami merupakan salah satu syarat yang diletakkan oleh syariat Islam dalam memberikan ruang kepada isteri untuk keluar bekerja. Persoalan keizinan ini sekiranya tidak dilihat menerusi perspektif yang sepatutnya boleh membawa kepada persepsi negatif terhadap ajaran Islam itu sendiri. Oleh kerana itu, didapati terdapat keperluan untuk dikupas persoalan syarat izin suami untuk isteri keluar bekerja serta hubungannya dengan nafkah yang perlu diberikan suami kepada isteri. Selain itu, perkara ini juga dibincangkan memandangkan implikasi kepada ketidakizinan suami kepada wanita untuk keluar bekerja adalah besar sekiranya tidak dipatuhi. Iaitu ia membawa kepada *nusyuz* dan terlucut hak untuk mendapat nafkah. Sehubungan itu, antara perkara yang akan dikupas adalah konsep izin suami sebagai syarat untuk isteri keluar bekerja mengikut perspektif shariah. Menerusi kupasan ini akan dilihat juga implikasi-implikasi berkaitan nafkah isteri daripada suami itu sendiri.

2. HUKUM ISTERI BEKERJA DI LUAR RUMAH

Isu wanita berkerjaya bukanlah perkara baharu disebabkan keluarnya wanita bekerja adalah suatu perkara biasa, bahkan terdapat pekerjaan-pekerjaan tertentu yang sememangnya memerlukan kepada wanita seperti dalam bidang perubatan, keperluan kepada doktor wanita untuk merawat pesakit wanita, pendidikan dan sebagainya (Uwais, 121). Walaupun begitu, sebagai asas kepada perbincangan ini maka dijelaskan juga sedikit sebanyak berkenaan hukum wanita atau lebih tepat isteri bekerja di luar rumah. Berhubung perkara ini, al-Mutlak (1435H) menyatakan bahawa secara asasnya (perkara usul dalam agama), tempat kerja wanita adalah di rumahnya iaitu menjaga suami dan mendidik anak-anak berdasarkan firman Allah:

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَى

Maksudnya:

Dan hendaklah kamu tetap di rumahmu dan janganlah kamu berhias dan (bertingkah laku) seperti orang-orang jahiliah dahulu (al-Quran; al-Ahzab: 33).

Walaupun yang demikian, keluarnya wanita untuk kerja di luar rumah adalah dibenarkan dalam kerja-kerja yang menepati kehendak syariat dan sesuai dengan wanita itu sendiri seperti bekerja sebagai pendidik atau pun kerja yang khusus bagi wanita. Maka dalam lingkungan kerja-kerja seperti ini, wanita dibenarkan untuk keluar bekerja di luar rumahnya dan tidak dilarang oleh syarak. Perkara ini telah ditunjukkan dalam hadith Nabi yang disampaikan kepada Saudah bint Zam'ah yang berbunyi:

قد أذن الله لكن ان تخرجن لحوائجكن

Maksudnya:

Sekarang Allah telah mengizinkan kamu untuk keluar rumah bagi menunaikan keperluan kamu (*Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Nikah, Bab Khuruj al-Nisa' li Hawa'ijihin, hadis no. 4939).

Berdasarkan hadith ini, Rasulullah telah mengharuskan wanita untuk keluar dari rumah untuk menyempurnakan keperluan mereka sepertimana diharuskan untuk wanita keluar untuk ziarah kedua ibu bapanya (al-Mutlak, 1435H).

Radina dan Jamilah (2009) menyatakan, para fuqaha bersepakat bahawa adalah harus bagi wanita untuk keluar bekerja tetapi dengan syarat dan *dhawabit* (garis panduan) seperti berikut, pertama, pekerjaan tersebut adalah pekerjaan yang secara prinsipnya adalah menepati syarak. Kedua, pekerjaan tersebut tidak bertentangan dengan tabiat wanita. Ketiga, mendapat keizinan dari wali atau suami. Keempat, wanita itu terselamat daripada sebarang fitnah kejahatan. Kelima, tiada unsur-unsur bersunyi-sunyian atau percampuran tanpa batasan antara lelaki dan perempuan. Keenam, pekerjaan tersebut tidak bertembung dengan kewajiban lain yang lebih utama untuk dilaksanakan. Ketujuh, wanita tersebut perlu beriltizam dengan hukum-hakam Islam yang perlu dipatuhi seperti memakai pakaian yang bertepatan dengan kehendak syarak dan sebagainya.

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa para fuqaha telah meletakkan syarat-syarat tertentu untuk wanita atau isteri dibenarkan keluar bekerja (di luar rumah). Untuk itu, tulisan ini juga akan menjelaskan serba sedikit maksud syarat ini bagi memandu kepada perbincangan seterusnya. Secara umumnya, syarat (شرط) merupakan perkataan yang memberi maksud

mengetahui (علم) dan tanda (علامة) sepertimana difahami daripada al-Quran: فَقَدْ جَاءَ أَشْرَاطُهَا, yang bermaksud: “Kerana tanda-tandanya (hari kiamat) sungguh telah datang” (al-Quran, Surah Muhammad 47:18). Di dalam ayat ini perkataan syarat (dalam bentuk *jama'*, أَشْرَاطُ) memberi makna tanda-tanda. Dalam bahasa Arab, apabila dikatakan seorang itu memberikan syarat kepada dirinya berkenaan sesuatu perkara, ia memberi maksud bahawa dia memberitahu dan mempersiapkan apa yang disyaratkan tersebut. Dalam erti kata lain, syarat itu merupakan tanda (علامة) kepada apa-apa yang disyaratkan. Ini adalah disebabkan syarat itu menjadikan sesuatu yang disyaratkan itu sebagai tanda (علامة) yang dengannya seseorang itu boleh mengetahui sesuatu. Syarat juga bermaksud melazimkan sesuatu dan beriltizam dengan sesuatu tersebut dalam jual beli dan sebagainya (al-Mutlak, 1435H). Perkara ini boleh difahami dari hadis Nabi SAW yang berbunyi,

ما بال رجال يشترطون شروطاً ليست في كتاب الله، ما كان من شرطٍ ليس في كتاب الله، فهو باطل، وإن كان مائة شرطٍ، قضاء الله أحقُّ، وشرط الله أوثقُ، وإنما الولاء لمن أعتق

Maksudnya:

Kenapakah mereka mensyaratkan dengan syarat-syarat yang tidak ada dalam kitab Allah, mana-mana syarat yang tidak ada dalam kitab Allah maka ia adalah batil, walaupun ada 100 syarat. Ketentuan Allah adalah yang paling benar, syarat Allah adalah yang paling kuat ikatannya, sesungguhnya *wala'* untuk orang yang memerdekakan hamba yang berkenaan (*Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Buyu', Bab Idha Ishtarat Shurutan fi al-Bay' la Tahill, hadis no. 2060).

Hadis ini menghendaki agar manusia beriltizam (berpegang dengan) mana-mana hukum Allah yang terang lagi nyata sepertimana disebutkan dalam hadis “sesungguhnya *wala'* untuk orang yang memerdekakan” (al-Mutlak, 1435H). Dalam erti kata lain, perkataan syarat di dalam hadis ini dikaitkan dengan suatu yang perlu diiltizam oleh seseorang. Hadis ini juga memberikan panduan berkenaan syarat yang ditentukan mestilah tidak bercanggah dengan ketetapan hukum yang jelas daripada al-Qur'an dan al-sunnah. Hadis ini turut menjelaskan

keutamaan sekiranya berlaku pertembungan antara dua syarat, maka perlu diutamakan syarat yang lebih utama untuk diiltizam. Penjelasan yang disebutkan ini boleh difahami daripada zahir hadith ini dan diperkuatkan dengan kisah yang menjadi latarbelakang hadith ini, iaitu kisah bagaimana tuan kepada hamba yang ingin dibeli oleh ‘A’ishah mensyaratkan syarat yang bercanggah dengan perkara yang telah diputuskan oleh syarak. Tuan kepada hamba ini menuntut *wala’* yang melayakkan mereka mewarisi hamba tersebut apabila hamba itu dimerdekan oleh ‘A’isyah selepas selesai jual beli tersebut. Sedangkan hukum yang sepatutnya, hak pewarisan adalah jatuh kepada orang yang memerdekakan hamba sepertimana disebutkan di akhir hadith seperti di atas (Mahmud, 2015). Kaedah syarak yang boleh dipetik daripada hadith ini adalah kaedah yang berbunyi: *ما ثبت بالشرع مقدم على ما ثبت بالشرط*. Maksudnya “Sesuatu yang diputuskan oleh syarak adalah lebih utama untuk diambil daripada sesuatu yang diputuskan oleh syarat” (Zuhaily, 1989)

Manakala maksud syarat dari sudut istilah pula ialah syarat adalah sifat yang zahir dan tepat (*mundhabit*). Ia melengkapkan perkara yang disyaratkan dengannya (al-Mutlak, 1435H). Tiadanya syarat membawa kepada tidak wujud hukum, tetapi jika syarat itu wujud, tidak semestinya membawa kepada wujudnya hukum (Zaidan, 1993). Dalam ertikata lain, syarat adalah merujuk kepada perkara yang mana sesuatu yang lain bergantung kepadanya dan ia berasingan daripada sesuatu yang disyaratkan itu. Sebagai contohnya, sekiranya sesuatu itu merupakan syarat kepada kewajipan sesuatu, maka hukum wajib itu bergantung kepada kewujudan syarat ini. Begitu juga sekiranya ia adalah syarat kepada sahnya sesuatu amal, maka hukum sah itu adalah bergantung kepada kewujudan syarat tersebut (al-Mutlak, 1435H).

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, dapat difahami bahawa apabila syarat-syarat yang digariskan tidak dipenuhi maka adalah tidak harus bagi wanita untuk keluar bekerja. Tetapi dalam situasi semua syarat tersebut dipenuhi maka harus untuk wanita keluar bekerja. Walaupun begitu, sekiranya mereka memilih untuk tidak bekerja dalam keadaan syarat-syarat dipenuhi, maka ia tidak dikira sebagai kesalahan. Penjelasan yang sama boleh diaplikasi dalam persoalan izin suami yang merupakan salah satu syarat untuk keharusan isteri bekerja di luar rumah.

3. KEIZINAN SUAMI KEPADA ISTERI UNTUK KELUAR BEKERJA

Keizinan suami adalah merupakan salah satu syarat yang mengharuskan wanita untuk bekerja di luar rumah. Perkataan izin ini dari sudut bahasa, adalah berasal daripada perkataan أَذِنَ (*azina*) yang bermaksud mengetahui. Di dalam al-Qur'an terdapat ayat yang boleh dirujuk untuk memahami maksud izin ini iaitu: فَأَذِّنُوا بِحَرْبٍ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ (al-Quran; al-Baqarah: 278) yang bermaksud: "Maka ketahuilah, bahwa Allah dan Rasul-Nya akan memerangimu". Perkataan فَأَذِّنُوا di sini bermaksud "Ketahuilah kamu" (كُونُوا عَلَيَّ عِلْمًا) (Ibnu Manzur, t.th.). Manakala dari sudut istilah, izin ini bermaksud "mengharuskan (membenarkan) sesuatu berbentuk perbuatan atau perkataan yang dilarang sebelumnya" (Radina & Jamilah, 2009). Ia juga bermaksud "melucutkan hak untuk menghalang" (Sa'di, 1988)

Para fuqaha bersepakat bahawa wajib ke atas isteri untuk mentaati suaminya selagi mana dalam lingkungan arahan yang menepati kehendak syariat Islam dan menepati masalah umum yang berkaitan dengan keluarga itu sendiri. Oleh itu sekiranya suami melarang isteri untuk bekerja maka wajib ke atas isteri untuk taat (Radina & Jamilah, 2009). Perkara ini adalah bersandarkan kepada banyak dalil antaranya, firman Allah:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

Maksudnya:

Laki-laki (suami) itu pelindung bagi perempuan (isteri), karena Allah telah melebihkan sebagian mereka (laki-laki) atas sebagian yang lain (perempuan), dan karena mereka (laki-laki) telah memberikan nafkah dari hartanya (al-Quran; al-Nisa': 34).

Dalil seterusnya, hadith Nabi SAW,

لا يجلس للمرأة أن تصوم وزوجها شاهد إلا بإذنه، ولا تأذن في بيته إلا بإذنه، وما أنفقت من نفقة من غير أمره فإنه يؤدي إليه شطره

Maksudnya:

Tidak halal bagi seorang isteri untuk berpuasa (yakni puasa sunnah) ketika suaminya hadir melainkan dengan izinnya, tidak boleh seorang isteri mengizinkan orang lain masuk ke rumahnya melainkan dengan izin suaminya, dan jika dia menafkahkan sesuatu (dari harta suami) tanpa ada perintah dari suaminya, maka suaminya akan mendapat sebahagian (atau setengah) pahalanya (Sahih Al-Bukhari, Kitab al-Nikah, Bab La Tu'adhdhin al-Mar'ah fi Bayt Zawjiha li Ahad illa bi Idhnih, hadith no 4899).

Dalil yang lain, hadith Nabi SAW:

إِذَا اسْتَأْذَنَكُمْ نِسَاؤُكُمْ بِاللَّيْلِ إِلَى الْمَسْجِدِ ، فَأَذِّنُوا لَهُنَّ

Maksudnya:

Sekiranya isteri-isteri kamu meminta izin untuk ke masjid pada waktu malam, maka izinkanlah mereka (Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, Bab al-Khuruj al-Nisa' ila al-Masajid bi al-Layl wa al-Ghals, hadith no 841).

Dalil-dalil di atas menunjukkan pelbagai perkara yang disebutkan dalam nas yang berkaitan izin suami terhadap perkara-perkara yang ingin dilakukan oleh isteri. Antaranya, Rasulullah saw mengharamkan isteri untuk berpuasa sunat sekiranya adanya suami melainkan dengan persetujuan beliau. Disyaratkan keizinan suami di sini disebabkan puasa boleh menghalang masalah tertentu yang kembali kepada suami. Berhubung perkara ini, Abdul Qadir (2011) dalam ulasannya terhadap hadith di atas menyatakan bahawa menyempurnakan hak suami adalah lebih utama daripada menyempurnakan amalan *tatawwu'* (sunat). Perkara yang sama dalam situasi isteri ingin memberikan pemberian kepada orang lain dengan menggunakan harta suami, maka ia hanya dibolehkan dengan keizinan suami. Al-Nawawi menyatakan ia adalah cukup dengan keizinan terdahulu, tetapi sekiranya tidak pernah ada keizinan maka tiada pahala bahkan menjadi dosa bagi isteri tersebut (al-Suyuthi, 1998). Begitu juga wanita hanya boleh keluar solat di masjid hanya dengan mendapat kebenaran daripada suami. Hadith ini telah dijadikan hujah oleh sebahagian ulama bahawa adalah wajib bagi suami

untuk mengizinkan isteri yang meminta izin untuk keluar ke masjid, walaupun begitu, pendapat yang lebih banyak dipegang oleh para ulama seperti Malikiyah, Shafiiyah dan Hanabilah yang berpandangan bahawa adalah *mustahab* bagi suami untuk mengizinkan isteri yang meminta izin untuk keluar ke masjid (Saqqaf, Alawi, 1442H) Ia menunjukkan bahawa keizinan suami adalah perkara yang dituntut dalam sesebuah keluarga dan dalam semua perkara yang mendatangkan *masalah* atau *mafsadah* kepada suami isteri tersebut atau pun yang membawa kepada menghilangkan *masalah* kepada suami (Radina & Jamilah, 2009). Kesimpulannya, keizinan itu menjadi satu kebenaran untuk mengharuskan wanita bekerja di luar rumah. Seperti dimaklumi, perkara usul dalam agama menetapkan bahawa tempat isteri adalah di rumah manakala keluar dari rumah termasuk untuk bekerja adalah disyaratkan mendapat izin suami. Oleh itu, tanpa keizinan ini maka tiada keharusan bagi isteri untuk keluar bekerja.

4. KEIZINAN SUAMI TERHADAP ISTERI DARI PERSPEKTIF ‘SYARAT’

Keizinan suami kepada isteri untuk keluar bekerja menjadikan suami perlu beriltizam dengan keizinan yang diberikan. Ini disebabkan, menurut kebiasaannya, apabila seseorang isteri itu bekerja, maka ia akan diikuti dengan komitmen-komitmen tertentu seperti perlu mengikut peraturan kerja dan organisasi tempat beliau bekerja. Begitu juga ia boleh membawa kepada terikat dengan kontrak-kontrak tertentu seperti perlu bekerja mengikut tempoh tertentu. Kadangkala dengan pekerjaan tersebut, wanita tersebut terikat pula dengan komitmen-komitmen lain seperti pembayaran pinjaman bank untuk ansuran kereta, perabot rumah dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa keizinan itu boleh membawa kepada beberapa implikasi berbentuk komitmen kepada isteri tersebut. Oleh kerana itu, keizinan yang diberikan bukanlah suatu yang secara mudah untuk ditarik semula terutama dalam konteks keizinan yang membawa kepada komitmen-komitmen seperti yang disebutkan di atas. Perkara ini ada diulas oleh beberapa pengkaji, antaranya Radina & Jamilah (2009) menyatakan bahawa Islam membenarkan pemilikan oleh wanita, apabila wanita bekerja dan suami beri persetujuan kepadanya untuk bekerja serta menggunakan hartanya sendiri untuk perkara-perkara berkaitan kepentingan dirinya sendiri, maka persetujuan ini sudah menjadi suatu syarat yang mengikat suami itu untuk membenarkan wanita itu bekerja dan memiliki pemilikan harta. Suami tidak boleh menghalang isteri itu untuk terus bekerja sekiranya tindakan itu boleh memudaratkannya kerana sudah terikat dengan komitmen kewangan. Tetapi sekiranya suami boleh menjamin

gantian kepada komitmen kewangan tersebut, maka tidak jadi kesalahan bagi suami untuk menghalang isteri daripada bekerja. (Radina & Jamilah, 2009)

Perbincangan yang hampir dengan isu ini turut dikupas oleh ulama silam. Antaranya perbincangan fuqaha berkenaan hukum isteri / bakal isteri meletakkan syarat membenarkan beliau bekerja selepas berkahwin (Zuhaily, 1989). Syarat ini dimasukkan dalam akad nikah bagi membenarkannya bekerja selepas berkahwin. Secara umumnya, terdapat 3 pendapat berkenaan perkara ini. Walaupun begitu, tulisan ini hanya mengemukakan pendapat yang paling rajih sahaja. Pendapat paling rajih tersebut adalah pendapat yang mengharuskan wanita untuk memasukkan syarat dalam akad nikah iaitu suami perlu membenarkan beliau kekal dengan pekerjaan terutama sekali sekiranya ada keperluan yang membawa kepada pekerjaan tersebut seperti pendapatan seisi keluarga yang sedikit dan sebagainya. Syarat ini dikira sah dan lazim (boleh digunapakai) dan wajib dipenuhi. Ia merupakan pandangan Ibnu Shihab al-Malikiyah dan pendapat dalam mazhab Hanbali (Radina & Jamilah, 2009). Di antara dalil yang dipegang adalah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, sempurnakanlah perjanjian-perjanjian (al-Quran; al Maidah: 1).

وَأَوْفُوا بِعَهْدِ اللَّهِ إِذَا عَاهَدْتُمْ وَلَا تَنْقُضُوا الْإِيمَانَ بَعْدَ تَوْكِيدِهَا وَقَدْ جَعَلْتُمُ اللَّهَ عَلَيْكُمْ كَفِيلًا إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا تَفْعَلُونَ

Maksudnya:

Dan tepatilah janji dengan Allah apabila kamu berjanji dan janganlah kamu melanggar sumpah, setelah diikrarkan, sedang kamu telah menjadikan Allah sebagai saksimu (terhadap sumpah itu). Sesungguhnya Allah mengetahui apa yang kamu perbuat (al-Quran; al-Nahl: 91).

Hadith Rasulullah SAW:

والمسلمون على شروطهم إلا شرطا حرم حلالا أو أحل حراما

Maksudnya:

Dan kaum Muslimin perlu memenuhi syarat-syarat yang telah mereka sepakati, kecuali syarat yang mengharamkan sesuatu yang halal dan menghalalkan sesuatu yang haram (Sunan al-Tarmizi, Hadith no 1352).

Hadith ini telah dijadikan salah satu daripada *Kaedah Fiqhiyyah* yang disusun oleh para ulama bagi menjadi rujukan dalam isu-isu berkaitan dengan syarat. Menurut Abdul Muhsin (2001) prinsip asas (*al-aslu*) dalam muamalat adalah wajib untuk memenuhi tuntutan syarat yang telah dipersetujui. Begitu juga secara prinsipnya (*al-aslu*), syarat itu adalah sah. Beliau menyatakan bahawa ini adalah pandangan jumbuh para ulama.

Secara umumnya, dalil-dalil di atas kesemuanya menunjukkan bahawa wajib untuk menyempurnakan syarat yang telah disyaratkan oleh seseorang terhadap dirinya. Oleh itu, mana-mana syarat yang telah diterima dengan redha oleh mereka yang berkenaan dalam akad nikah maka menjadi kewajipan untuk ditunaikan (Radina & Jamilah, 2009). Terdapat satu riwayat berkenaan perkara yang diputuskan Umar al Khattab berhubung perkara ini. Diriwayatkan bahawa seorang lelaki telah berkahwin dengan seorang wanita dalam keadaan wanita itu mensyaratkan tidak boleh membawanya keluar daripada tempat tinggalnya. Tidak lama selepas itu, suami tersebut ingin berpindah ke negeri lain dan meminta isterinya mengikutinya sedangkan isterinya berkeras dengan syarat yang telah terlebih dahulu dipersetujui oleh si suami. Bagi menyelesaikan masalah ini maka ia dibawa kepada Umar al-Khattab untuk diselesaikan. Lalu berkata Umar:

لها شرطها مقاطع الحقوق عند الشروط

Maksudnya:

Baginya (isteri kamu) syarat tersebut, pemutus sesuatu perkara adalah berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Umar telah memutuskan bagi suami isteri ini dengan keputusan wajib menunai syarat-syarat yang dimasukkan dalam akad nikah. Keputusan ini tidak dibantah oleh mana-mana sahabat Nabi pada ketika itu. Oleh kerana itu, apa yang boleh dipegang di sini adalah: “sebarang penerimaan kepada syarat-syarat yang ditetapkan bermaksud melazimkan diri untuk menunaikan syarat tersebut.”

Muhammad Sidqi (2003) menyatakan bahawa keputusan Umar ini iaitu *مقاطع الحقوق عند الشروط* telah digunakan sebagai salah satu *Kaedah Fiqhiyyah* yang dirujuk untuk memutuskan perkara-perkara berkaitan dengan syarat dalam akad. Iaitu bagi memutuskan siapa yang berhak dalam sesuatu perkara maka perlu dirujuk kepada syarat yang telah dipersetujui terlebih dahulu oleh kedua-dua orang yang berakad. Orang yang menerima syarat itu telah mengikat dirinya dengan syarat tersebut. Maka adalah menjadi suatu yang wajib baginya untuk menepati syarat tersebut, terutama sekali dalam bab nikah. Asal kepada kaedah ini adalah hadith Rasulullah saw berkenaan kewajipan menepati syarat yang telah diputuskan iaitu Rasulullah SAW bersabda:

أَحَقُّ الشَّرْطِ أَنْ يُؤْتَى بِهِ مَا اسْتَحَلَلْتُمْ بِهِ الْفُرُوجَ

Maksudnya:

Syarat-syarat yang paling berhak untuk dipenuhi adalah syarat-syarat yang berkaitan dengan nikah (yang menghalalkan hubungan suami isteri) (Fathul Bari, Kitab al-Nikah, bab *al-Syurut fi al-Nikah*).

Ibnu Hajar (1999) menyatakan bahawa hadith ini menunjukkan bahawa syarat yang paling utama untuk ditunaikan adalah menunaikan syarat-syarat pada nikah, ini disebabkan ia adalah perkara yang agak kompleks (perlu berhati-hati) dan ruangnya agak sempit

Inilah pendapat paling rajih menurut al-Mutlak (1435H). Suami wajib menunaikan syarat tersebut dan tidak boleh menghalang isteri daripada keluar bekerja. Sekiranya beliau menghalang isteri daripada keluar bekerja dan isteri tidak patuh, maka situasi ini tidak memberi implikasi *nusyuz* dan isteri berhak mendapat nafkah daripada suami. Perkara ini berdasarkan kekuatan dalil-dalil dan hujah yang dikemukakan di samping tidak terdapat dalil-dalil syarak yang menegah syarat seperti ini. Selain itu, keizinan suami bagi isteri bekerja adalah suatu yang diharuskan walaupun tidak disyaratkan untuk suami mengizinkannya. Ini disebabkan sekiranya ia suatu yang tidak harus maka kerja itu sendiri adalah suatu yang tidak sah untuk disyaratkan dalam akad tersebut. Oleh kerana begitu, maka adalah harus bagi isteri untuk mensyaratkan perkara ini dalam akad nikah supaya ia menjadi suatu yang lazim (mesti) dan wajib (untuk dipenuhi oleh suami)

Manakala dari sudut rasional pula, syarat ini tidak bercanggah dengan kehendak akad dan maksud syarak itu sendiri. Ia hanya menghilangkan sedikit masalah (kepentingan) kepada orang yang menerima syarat tersebut (suami). Selain itu, syarat ini mengesahkan masalah dan manfaat kepada kaum wanita, iaitu wanita dapat berkhidmat kepada masyarakat dan dapat memiliki pendapatan sendiri serta lain-lain masalah yang boleh diperolehi menerusi kebenaran bekerja ini. Dalam masa yang sama, suami yang menerima syarat ini mengetahui bahawa ia memberi kesan kepada kedudukan wanita dalam rumahtangga iaitu memberi kesan kepada hak *al-ihthibas al-kamil* (penguasaan penuh) suami terhadap isteri. Ia juga memberi kesan kepada hak suami terhadap isteri dari sudut kekal di dalam rumah, menjaga suami dan mendidik anak-anak. Oleh kerana itu, penerimaan suami terhadap syarat ini memberi implikasi wajib ke atas beliau memenuhi tuntutan syarat tersebut dan tidak menghalang isteri daripada keluar rumah bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab kerja (al-Mutlak,1435H). Perkara yang sama dilihat dalam persoalan suami memberi izin kepada isteri untuk bekerja di luar rumah. Iaitu hujah berkenaan perbincangan tentang syarat yang diletakkan dalam akad nikah untuk memberikan kebenaran isteri bekerja selepas berkahwin juga terpakai dalam persoalan izin suami seperti di atas.

5. HUBUNGAN ANTARA IZIN SUAMI UNTUK WANITA BEKERJA DAN NAFKAH

Secara umumnya para fuqaha telah bersepakat bahawa nafkah terhadap isteri dan anak-anak adalah kewajiban suami (Zuhaily, 1989). Perkara ini diputuskan berdasarkan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Hadith. Salah satu daripada dalil tersebut adalah firman Allah:

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وَجْدِكُمْ وَلَا تَضَارُوهُنَّ لِتَضَيَّقُوا عَلَيْهِنَّ وَإِنْ كُنَّ أَوْلَاتٍ حَمْلًا فَانْفِقُوا
عَلَيْهِنَّ حَتَّى يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ لِيَنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِنْ سَعَتِهِ وَمَنْ قَدَرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيَنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ

Maksudnya:

Tempatkanlah mereka (para isteri) di mana kamu bertempat tinggal menurut kemampuanmu dan janganlah kamu menyusahkan mereka untuk menyempitkan (hati) mereka. Dan jika mereka (isteri-isteri yang sudah di talak) itu sedang hamil, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya hingga mereka bersalin, kemudian jika mereka menyusukan (anak-anak)mu untukmu, maka berikanlah kepada mereka upahnya; dan musyawarahkanlah di antara kamu (segala sesuatu) dengan baik; dan jika kamu menemui kesulitan, maka perempuan lain boleh menyusukan (anak itu) untuknya. Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. Dan orang yang disempitkan rezekinya, hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak memikulkan beban kepada seseorang, melainkan (sekadar) apa yang Allah berikan kepadanya. Allah kelak akan memberi kelapangan sesudah kesempitan (al-Quran; al-Talaq: 7-8).

Ayat-ayat di atas secara khusus dan terperinci menunjukkan kewajiban suami memberikan nafkah kepada isteri-isteri mereka. Berhubung perkara ini, Fatma Ismael (2018) menyebutkan bahawa nafkah atas dasar seseorang itu di bawah tanggungan seseorang yang lain tidak wajib kepada yang mempunyai harta sendiri melainkan kepada isteri. Ia bermaksud bahawa walaupun isteri adalah seorang kaya dan senang tetapi suami masih wajib memberi nafkah kepadanya.

Terdapat fuqaha yang berpandangan bahawa tiada nafkah kepada isteri berkerjaya (berpendapatan) yang tidak mendapat redha suami dan tidak patuh kepada arahan suami yang mengarahkannya untuk berhenti. Ini disebabkan pekerjaannya selepas dilarang suami adalah dikira perbuatan *nusyuz*. Tiada nafkah untuk wanita yang *nusyuz*. Hukum yang sama terhadap isteri yang suaminya redha beliau bekerja pada awalnya tetapi kemudian suami menuntutnya untuk berhenti kerja tetapi isteri tidak mematuhi suruhan suami. *Illah* kepada hukum ini adalah isteri sudah tidak menyerah diri sepenuhnya kepada suami yang merupakan syarat kepada kewajiban pemberian nafkah kepada isteri (*al ihtibas al-kamil*) (Ahmad Rasyad, 2013).

Barhubung isu *al ihtibas al Kamil* ini, jika ditelusuri pendapat-pendapat dalam Mazhab Shafii, maka didapati terdapat 2 pendapat berhubung perkara ini (Nuzad & Sundus, 2016). Salah satu pendapat tersebut adalah pendapat yang membenarkan nafkah kepada isteri berkerjaya dengan syarat mendapat izin suami. Wanita berhak mendapatkan nafkah daripada suami walaupun hakikatnya beliau tidak dapat berkhidmat sepenuhnya untuk suami (*ihtibas al-naqis*) selagi mana mendapat izin suami. Sekiranya tidak mendapat izin suami dan beliau keluar juga bekerja maka pada ketika itu jatuh hukum *nusyuz* yang boleh menafikan nafkah. Dalam keadaan mendapat izin, wanita ini masih layak mendapat nafkah (Sharbini, 1994) Menurut Fatma Ismael (2018), ramai ulama pada zaman sekarang berpegang dengan pendapat yang sama dengan 2 syarat iaitu pertama, kerja yang syar'ie, dan kedua, mendapat izin suami.

6. RUMUSAN

Berdasarkan perbincangan di atas, secara umumnya boleh dirumuskan bahawa izin suami untuk wanita keluar bekerja adalah berasaskan kepada masalah yang kembali kepada isteri itu sendiri. Suami berhak untuk tidak mengizinkan isteri keluar bekerja dan dalam masa yang sama perlu melaksanakan tanggungjawab menyempurnakan nafkah kepada isteri dan juga anak-anak yang lahir daripada hubungan perkahwinan ini. Tetapi sekiranya suami telah memberikan keizinan untuk isteri keluar bekerja, maka suami tidak boleh sewenang-wenangnya menarik balik izin tersebut tanpa mempertimbangkan kesan-kesan yang berbentuk *mafsadah* yang boleh berlaku disebabkan tindakan menarik balik keizinan tersebut. Malahan sekiranya tindakan tersebut mendatangkan mudarat kepada isteri maka keengganan isteri untuk akur dengan arahan suami tersebut tidak memberi implikasi *nusyuz* dan terlucutnya hak nafkah kepada isteri seperti yang disebutkan dalam perbincangan berkenaan syarat pada akad nikah seperti di atas. Perkara ini selaras dengan syor yang dikemukakan dalam ketetapan No 144 yang diputuskan dalam

Majma' al Fiqh al-Islami sempena *Muktamar al-Islami* kali ke 16 di Dubai Emiriah Arab Bersatu, 30 Safar – 5 Rabiul Awwal 1426 berkenaan persoalan wanita keluar bekerja. Syorsyor tersebut adalah seperti berikut:

- a. Perkahwinan mempunyai hak-hak wajib antara suami dan isteri yang ditetapkan oleh syarak, hubungan antara suami isteri perlu dibina atas dasar keadilan, bantu-membantu dan kasih mengasihi. Sebarang tindakan yang keluar daripada dasar ini diharamkan oleh syarak.
- b. Tidak harus bagi suami menyalahguna hak menghalang isteri dari bekerja di luar rumah atau mengarahkannya untuk berhenti kerja dengan tujuan untuk memberi mudarat kepada isteri itu sendiri, melainkan terdapat *mafsadah* atau mudarat yang mengatasi masalah yang ada.
- c. Perkara yang sama dalam perkara 2 terpakai kepada isteri sekiranya tujuan bekerja adalah untuk memberi mudarat kepada suami atau keluarga atau pun dengan bekerja itu mendatangkan mudarat melebihi masalah.

Selain itu, boleh dirumuskan juga bahawa nafkah untuk isteri yang bekerja adalah menjadi kewajiban yang mesti ditunaikan suami selagi mana ia mendapat keizinan suami. Luputnya nafkah isteri daripada suami adalah merujuk kepada keadaan isteri yang termasuk dalam kategori *nusyuz*. Terhalangnya suami untuk mendapat penguasaan penuh (*ihtibas al-kamil*) terhadap isteri bukanlah asas penentu kepada terluputnya hak nafkah tersebut. Penentuan isteri sebagai *nusyuz* dalam konteks tulisan ini pula tidak semata-mata tertakluk kepada ketiadaan izin suami atau penarikan balik izin suami terhadap kebenaran untuk bekerja di luar rumah, tetapi ia perlu juga melihat kepada pertimbangan antara masalah dan *mafsadah* seperti disebutkan di atas. Perkara ini selaras dengan keputusan *Majma' Al-Fiqh Al-Islami* yang sama seperti di atas, antara lainnya menetapkan bahawa “wanita bekerja di luar rumah tidak memberi implikasi terlucutnya hak nafkah yang wajib daripada suami untuk isteri sepertimana yang ditetapkan oleh syarak selari dengan garis panduan yang diputuskan oleh syarak iaitu selagi mana tidak membawa kepada perlakuan yang menjadikan wanita itu *nusyuz* yang melucutkan haknya untuk mendapat nafkah”.

7. KESIMPULAN

Kesimpulannya keizinan daripada suami yang merupakan salah satu daripada syarat yang diletakkan oleh syariat untuk wanita keluar bekerja bertujuan untuk menjaga masalah wanita itu sendiri. Disebabkan itu, izin ini diberikan kepada suami yang bertanggungjawab ke atas wanita tersebut. Izin yang diberikan kepada suami ini juga mempunyai *dhawabit* (garis panduan) yang ditetapkan oleh syariat, antara lainnya adalah merujuk kepada penilaian masalah dan mudarat. Antaranya, suami tidak boleh sewenang-wenangnya menggunakan kuasa izin itu sehingga memudaratkan pihak isteri atau keluarga itu sendiri. Selain itu, isu sebenarnya adalah bukan Islam tidak membenarkan wanita keluar bekerja, tetapi isunya adalah Islam ingin memberikan wanita berada di posisi yang sesuai dengan peranan, tabiat dan keupayaan mereka serta mendapat perlindungan yang sewajarnya. Disebabkan itu, wanita dibenarkan bekerja di luar rumah, tetapi kerja yang selari dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh syariat Islam itu sendiri. Sekiranya syarat itu dipenuhi maka wanita ada pilihan untuk bekerja atau sebaliknya, tetapi sekiranya syarat itu tidak dipenuhi maka wanita tidak boleh bekerja. Akhirnya, ketetapan tidak boleh atau tidak dibenarkan bekerja bukanlah disebabkan diskriminasi atau menghalang hak wanita, tetapi ia lebih kepada menjaga masalah yang kembali kepada wanita itu sendiri.

PENGHARGAAN

Tulisan ini adalah hasil kajian daripada pembiayaan geran yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi iaitu geran FRGS iaitu RDU 1901127 bertajuk Pembangunan Garis Panduan Tolakan Zakat Untuk Zakat Pendapatan Bagi Isteri Yang Menyumbang Kepada Nafkah Keluarga

RUJUKAN

- Abdul Muhsin Ibn Abdullah Ibn Abdul Karim al-Zamil (2001) *Sharh al-Qawa'id al-Sa'diyyah*, Dar Atlas al-Khadra': Riyadh
- Abdul Qadir Shaibah al-Hamd, 2011, *Fiqh al-Islam Sharh Bulugh al-Maram Min Jami' Adillah wa al-Ahkam Li Ahmad Ibn Ali Ibn Hajar al-Askolani*, Cet. 7, Muassasah Ulum al-Quran:

- Ahmad Rasyad Abdul Hadi (2013), *Athar al-Uruf Fi al-Ahwal al-Shaksiyah: Dirasat Fiqhiyyah Qanuniyah*, Tesis Master, Kulliyah Dirasat al-Ulya, Universiti al-Khalil: Palestin
- Bukhari, Abi Abdillah Muhammad Ibn Ismail, al-, t.th. *Sahih Bukhari*. Kaherah: Dar Nah al-Nil Toba'ah Nashr Wa Tauzi'
- Fatma Ismael Muhammad Masheel, 2018, Musyarakah al-Zaujah al-Amilah Fi Nafaqat al-Ussrah: Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah: Majallah Dar al-Ifta' al Masriyyah, Bil 33, ms: 84, Dar al-Ifta' al-Masriyyah: Mesir. Retrieve from: https://www.researchgate.net/publication/331969120_msharkt_alzwtj_alamlt_fy_nfqat_alasrt
- Ibn Hajar, al-Imām al-Hāfiẓ Ahmad Ibn ʿAlī al-ʿAsqalānī, 1999, *Fathu al-Bārī Syarh Şahīh al-Bukhārī*, Qahirah: Dār al-Manār
- Ibnu Manzūr, Jamāl al-Dīn Muhammad Ibnu Mukarram al-Anṣārī (t.th) *Lisān al-ʿArab*, T.tp: al-Dār al-Masriyyah li al-Taʿlīf wa al-Tarjamah
- Mahmud Hasan Umar, 2015, *Syarhu al-Hadith: Innama al-Wala' Li Man A'taq*, Dalam *al-Alukah al-Shariyya*, Retrieved from <https://www.alukah.net/sharia/0/81031/#ixzz75xC0Zbmr>
- Muhammad Sidqi Ibn Ahmad Ibn Muhammad Al Burnu Abu al-Harith al-Ghaziyy, 2003, *Mausu'ah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Cet 1, Muassasah al-Risalah: Beirut
- al-Mutlak, Nurah Binti Abdullah Ibn Muhammad, 1435H, *al-Syurut allati tashtarituha al-Mar'ah Li Manfa'atiha Wa Atharuha Fi Aqdi al-Nikah*, Dalam: Majallah al-Adl, Bil.65, Wizarah al-Adliyah: Arab Saudi, ms: 75-164. Retrieve from: <https://adlm.moj.gov.sa/showc.aspx?cover=65>
- Nuzad Sodiq Sulaiman & Sundus Ali Abbas, 2016, Nafaqah al-Zaujah al-Amilah Fi al-Shariah al-Islamiyah wa Qanun al-Ahwal al-Shakhsiyyah al-Iraqi- Dirasah Muqaranah: ZANCO, Journal of Humanity Sciences, Vol 20, No 6, Salahuddin University: Erbil, ms: 331-350. Retrieve from: <http://zancojournals.su.edu.krd/index.php/JAHS/article/view/1222>
- Sa'di Abu Jaib, 1988. *al-Qamus al-Fiqhi, Lughatan Wa Istilahan*, Cet. 2, Dar al-Fikri: Damsyik.
- Saqqaf, Alawi Ibn Abdul Qadir al- (al Musyrif al-Aam), 1442H, *Hukm Hudhur al-Nisa' Li al-Jama'ah Fi al-Masjid Wa Syurutuha*. Retrieved from: <https://dorar.net/feqhia/1333/>
- Sharbini, Shams al-Din Muhammad Ibn Muhammad al-Khatib al-, 1994, *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifath Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

- Suyuthi, al-Imam al-Hafiz Abi al-Fadhl Jalaluddin al-, 1998, *al-Taushih Sharh al-Jami' al-Sohih*, tahqiq: Ridhwan Jami' Ridhwan, Cet 1, Maktabah al-Rusyd: Riyadh.
- al-Tirmizi, Muhammad Isa Ibn Saurah Ibn Musa Ibn al-Dhahaq, 1998, *al-Jami' al-Kabir: Sunan al-Tirmizi*, Dar al-Gharb al-Islami: Beirut.
- Uwais, Abd al-Halim, 2004, *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami al-Mu'asir*, c.1, Mansurah: Dar al-Wafa'
- Zaidān, °Abd al-Karīm, 1993, *al-Wajīz Fī Uṣūl al-Fiqh*. C.1, Qāhirah: Dār al-Tauzī° wa al-Nashr al-Islāmiyyah.
- Zuhaily, Dr. Wahbah al-,1989, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, c.3, Syria: Dar al-Fikr.